

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Northern Corridor Research Centre (NCRC)
Sent: 09 Ogos 2016 9:09
To: UUM - All Staff
Subject: PERKONGSIAN AMALAN PENGURUSAN KEWANGAN BERHEMAT



Pusat Penyelidikan
Koridor Utara

NORTHERN CORRIDOR RESEARCH CENTRE

Universiti Utara Malaysia

SELASA, 9 OGOS 2016 | 6 ZULKAEDAH 1437H
"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera



PERKONGSIAN AMALAN PENGURUSAN KEWANGAN BERHEMAT

NCRC ONLINE : Pada 1 Ogos 2016, Northern Corridor Research Centre (NCRC) telah menganjurkan Bengkel Pengurusan Kewangan di Bilik Mesyuarat NCRC, Pusat Konvensyen. Bengkel ini diadakan khusus kepada seluruh warga kerja NCRC bagi memberi pemahaman tentang pengurusan kewangan dan belanjawan organisasi di samping mengaplikasikan undang-undang dan peraturan dalam setiap urusan harian yang berkaitan kewangan.

Penceramah yang dijemput adalah dari pegawai-pegawai Jabatan Bendahari yang telah dikenal pasti mempunyai kepakaran dalam bidang masing-masing. Penceramah yang hadir adalah Encik Abdul Roni Baharom, Encik Zulkifli Omar dan Encik Mohd Zamri Mohd Zain yang mana membincangkan mengenai pengurusan perolehan, pengurusan aset inventori dan pengurusan perbelanjaan.

Menurut Encik Mohd Zamri, bengkel ini adalah satu usaha dan inisiatif jabatan yang baik di mana jabatan dapat memahami proses kewangan kerajaan dengan baik seterusnya mengendalikan kewangan dengan bijak.

Turut hadir ke bengkel ini adalah Prof. Madya Dr. Rohana Yusof, Pengarah NCRC dan Prof. Madya Dr. Norehan Abdullah, Timbalan Pengarah NCRC serta pegawai NCRC.

DARIPADA:
NORTHERN CORRIDOR RESEARCH CENTRE (NCRC)
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL.: 04-928 6559
FAKS: 04-928 6561
E-MEL: ncrc@uum.edu.my
WEBSITE: www.ncrc.uum.edu.my

